


# Pemilikan ekuiti Bumiputera belum capai 30 peratus



Kerajaan akan nilai semula pendekatan ukur tahap penyertaan, kawalan ekonomi

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemilikan ekuiti oleh Bumiputera di negara ini masih belum mencapai sasaran 30 peratus yang ditetapkan selepas 50 tahun.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan akan menilai semula pendekatan untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi kumpulan itu supaya lebih bermakna.

Beliau berkata, ia dicapai menerusi kerangka Ekonomi MADANI melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Sementara itu, satu kongres

ekonomi Bumiputera akan diadakan pada Januari tahun depan bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda kumpulan itu yang lebih adil, saksama dan inklusif.

“Ikhtiar bermakna bagi memperkasa Bumiputera akan beranjak daripada tumpuan terhadap syarikat terpilih kepada program pengupayaan membabitkan lebih ramai usahawan dan lebih banyak syarikat Bumiputera berskala kecil serta sederhana.

“Ini bagi melahirkan kelas pertengahan Bumiputera yang dapat beralih daripada bergantung harap kepada gaji semata-mata kepada membina perniagaan yang meningkatkan pendapatan dan menambah nilai kepada ekonomi,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, antara usaha lain dilakukan kerajaan untuk membantu syarikat Bumiputera adalah memberi peluang mereka menerima manfaat sokongan pembiayaan daripada keseluruhan dana diperuntukkan kerajaan kepada

16 agensi Bumiputera.

Agensi berkenaan antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Anwar berkata, sokongan pembiayaan ini mencecah RM30 bilion sejak tiga Rancangan Malaysia terdahulu.

Mengenai pegangan nomini yang tidak didedahkan pemilikan sebenar pula, beliau berkata, ia terus menunjukkan corak peningkatan yang ketara.

Sehubungan itu, Anwar mengumumkan Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkaitan pengisytiharan pemunya manfaat sedang disemak semula bertujuan memperkukuh ketelusan pemilikan saham, selaras dengan penekanan kepada tatakelola yang baik.

Beliau berkata, kerajaan juga sedang memantau keberkesanan

peranan agensi mandat Bumiputera seperti MARA, TERAJU dan Ekuinas supaya fungsi entiti berkenaan dipertingkatkan.

Katanya, ia melalui penjajaran semula strategi dan inisiatif pemeraksanaan agenda Bumiputera, termasuk mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), untuk menambah baik keberkesanan penyaluran bantuan dan sokongan bagi meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi.

“Usaha ini juga akan terus dipertingkatkan dalam membina kredibiliti Agensi Mandat Bumiputera dengan memperkukuh integriti dan tatakelola.

“Daya saing perusahaan Bumiputera, terutama PMKS akan ditingkatkan melalui galakan untuk memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan (fintech) bagi mengembangkan perniagaan.

“Antaranya Program Pendigitalan oleh MARA dengan peruntukan RM40 juta membolehkan perusahaan Bumiputera menerima guna teknologi dan pendigitalan dalam pengurusan perniagaan,” katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, Pelan Kebangsaan Pemeraksanaan Ekonomi Belia akan diluncurkan dengan tumpuan meningkatkan kebolehpasaran belia bagi mereka yang menganggur dan terbabit dalam sektor pekerjaan tidak formal.

Perdana Menteri berkata, pelan itu satu tekad kerajaan untuk menyerlahkan potensi dan meningkatkan kesejahteraan hidup belia.

Beliau berkata, pada suku kedua 2023, kadar pengangguran belia berusia 15 hingga 24 tahun berada pada tahap membimbangkan iaitu 10.7 peratus.

Selain itu, katanya, mereka akan dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan potensi pembabitan dalam kegiatan berkaitan teknologi yang dapat menjana pendapatan lebih tinggi.

“Inisiatif Rakan Muda yang sudah diberi nafas baharu akan dipergiat bagi memberi tumpuan kepada peningkatan literasi demokrasi dan kegiatan permotoran, selain membangunkan potensi belia yang juga pewaris masa depan negara,” katanya.